

## KE ARAH MEMPERKASAKAN ISLAMISASI SENI MUZIK SEBAGAI SATU ALTERNATIF : SATU PENGAMATAN AWAL

MOHAMAD KAMIL BIN HJ AB MAJID  
MUHAMMED BIN YUSOF

### *Abstrak*

*Seni muzik terbukti mendapat sambutan yang menggalakkan daripada khalayak terutamanya golongan remaja. Semenjak lahirnya rancangan hiburan yang bermanifestasikan realiti, sambutan ke atas industri muzik semakin memberangsangkan. Namun, perkembangan industri muzik tanah air sama ada bercorak tradisional ataupun moden dilihat mulai menyimpang daripada matlamat sebenar untuk ketenangan dan pengabdian diri kepada Penciptanya. Ini disebabkan berlakunya percampuran dan pertembungan antara nilai-nilai murni dan unsur-unsur yang kurang sihat yang sering seiring dengan seni muzik. Oleh itu tulisan ini akan membincangkan seni muzik dalam Islam serta beberapa pandangan tokoh ilmuwan Islam. Selain itu, diperkenalkan konsep Islamisasi seni muzik sebagai langkah penyelesaian kreatif dan relevensinya menjadi hiburan alternatif kini.*

### *Abstract*

*The interest for music within community especially youth generation has risen up nowadays. This situation is more noticeable with the emergence of reality based entertainment. Even though, it has being argued that the growth of local music industry either traditional or modern has moved from its' real objectives which are the harmonious and the submission to God. This situation is caused by the affiliation and the clash between the good values and the negative aspects which are existed within the music. With the consequence, this article will discuss music from the Islamic perspective and the opinions of Muslim Scholars. Furthermore, the Islamization concept of music will be introduced as a creative solution and its' relevance as an alternative entertainment nowadays.*

## PENDAHULUAN

Pada hari ini, budaya hiburan termasuk seni muzik dilihat sudah menyeleweng daripada matlamat asalnya iaitu untuk ketenangan, mendidik jiwa dan merapatkan tautan hati dengan Penciptanya. Ini disebabkan berlakunya percampuran dan pertembungan antara nilai-nilai murni dan unsur-unsur yang kurang sihat yang sering seiring dengan seni muzik. Tambahan pula sejak kebelakangan ini, muncul pelbagai rancangan bercorak realiti hasil cedokan dari luar yang jelas berlainan dengan identiti dan jiwa kebudayaan yang sebenarnya dianuti berkurun lama oleh masyarakat di negara ini. Namun, bangsa Malaysia menyambut baik dan memberi sokongan kuat bagi menjayakan program tersebut yang diadaptasikan dari Barat untuk di pertontonkan kepada umum dalam bentuk konsep yang sama tanpa mengubah atau 'mengislamisasikannya' terlebih dahulu. Walaupun diketahui umum bahawa kebanyakannya jelas bercanggah dan bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan adat-adat setempat yang diyakini dan difahami sebelum ini, namun dengan meresap masuknya pengaruh dan pemikiran Barat dalam minda masyarakat di negara ini menyebabkan ia dianggap suatu *trend* baru dan rasa kebanggaan kepada sesetengah pihak. Hasilnya, budaya hiburan yang dimanifestasikan pada hari ini, tidak banyak menyumbang ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang positif dan progresif.

Islam tidak menghalang umatnya untuk mengadaptasikan sesuatu sama ada ia berasal daripada Barat mahupun Timur, asalkan ia menepati kriteria-kriteria yang digariskan dan sesuai dengan adat setempat yang tidak bercanggah dengan syarak. Dengan kata lain, ia mestilah tidak terkeluar daripada kerangka keislaman. Dari sini jelaslah bahawa kita dituntut untuk lebih kreatif dalam menilai dan menerima sesuatu. Konsep Islamisasi adalah salah satu usaha kreatif yang sepatutnya menjadi agenda utama dalam memastikan hiburan moden dan tradisional dapat dinikmati oleh masyarakat Islam dengan penuh yakin di samping memperkaya hiburan yang bercorak alternatif.

## SENI MUZIK DALAM ISLAM

Agama Islam merupakan agama fitrah bagi manusia. Oleh sebab itulah setiap ajaran yang telah disyariatkan kepada umatnya sudah semestinya bertepatan dan selari dengan fitrah semulajadi mereka. Jika diperhatikan, setiap manusia biasanya akan cenderung kepada hiburan, khususnya terhadap seni muzik. Muzik adalah suatu tuntutan fitrah manusia. Akan tetapi, untuk memenuhi kehendak naluri manusia ini, tidak semua jenis seni muzik dibenarkan oleh Islam.

Kalimah ‘muzik’ tidak dapat kita temui di dalam al-Qur’an dan al-hadith. Walaupun di dalam al-Qur’an Allah S.W.T menceritakan kisah Nabi Daud (Al-Qur’an, al-Nisa’ 4, 163; al-Isra’ 17, 55; al-Nur 24, 10; al-Ma’idah 5, 78; al-An’am 6, 84; al-Anbiya’ 21, 78; al-Furqan 25, 15) dan Nabi Sulaiman (Al-Qur’an, al-Baqarah 2, 102; al-Nisa’ 4, 123; al-An’am 6, 84; al-Anbiya’ 21, 78; al-Naml 27, 15) yang memiliki mukjizat yang berkaitan dengan seni suara, namun istilah ‘muzik’ ini gagal ditemui di dalam al-Qur’an. Di dalam khazanah teks (*matan*) al-hadith, kalimah ‘muzik’ sememangnya sukar untuk ditemui. Hanya beberapa kalimah sahaja yang boleh dikaitkan dengan istilah muzik seperti *al-Ma’azif*, *al-Ghina* dan *al-Mughaniyyah* (Ishak Suliaman 2000: 2).

Asal penggunaan istilah muzik dan definisinya dari aspek terminologi adalah dipercayai bahawa kalimah ‘muzik’ ini berasal daripada bahasa Greek. Kalimah ‘muzik’ ini dikatakan telah dipinjam penggunaannya oleh orang Islam pada kurun kelapan hingga kesepuluh Hijrah. Memandangkan asal kalimah ‘muzik’ ini daripada tamadun Greek, maka definisi yang dirumuskan oleh ahli muzikologi dan ahli etnomuzikologi iaitu *seni dan sains memadukan bunyi atau nada suara atau bunyi alat bagi membentuk berbagai-bagai pernyataan yang memuaskan emosi, estetika dan struktur bagi sistem kepercayaan yang membentuk asas kepercayaan* (Lois Lamya’ 1993: 31).

Daripada definisi tersebut, terdapat tiga ciri utama yang mendasari ‘muzik’ itu sendiri iaitu :

- i. Bunyi suara atau peralatan
- ii. Hasilan yang memuaskan emosi dan estetika
- iii. Memenuhi tujuan tertentu seperti sistem kepercayaan dan sebagainya

Oleh itu, sekiranya kita mengambil tiga ciri tersebut dan mengaitkannya dengan beberapa bentuk ibadah di dalam Islam maka akan ditemui contoh-contoh ibadah tersebut dengan begitu mudah sekali. Namun peralatan muzik tidak digunakan terutamanya di dalam ibadah yang berkaitan dengan al-Qur’an, haji, tahmid dan takbir hari raya. Manakala di dalam beberapa ibadah seperti azan, berzikir dan berselawat beberapa peralatan muzik sering digunakan oleh umat Islam. Di antara ibadah Islam yang mempunyai unsur suara, penghasilan yang



indah atau berestetika dan mempunyai tujuan tertentu khususnya untuk mencari keredhaan Allah adalah seperti berikut :

- i. Bacaan al-Qur'an<sup>1</sup>
- ii. Azan
- iii. Talbiah haji
- iv. Berzikir
- v. Berselawat
- vi. Tahmid / takbir hari raya

Walaupun ibadah-ibadah tersebut pada zahirnya terlalu janggal untuk dikaitkan sebutannya dengan muzik, tetapi hakikatnya amalan semua itu memiliki ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri istilah muzik. Sekiranya umat Islam tidak terlalu fanatik dan rigid dengan aspek sebutan muzik yang berkaitan dengan ibadah, maka sudah tentu muzik bukanlah terlalu asing dengan kehidupan umat Islam (Ishak Suliaman 2000: 4-5; Amini Amir Abdullah 1997: 148-149).

Pada dasarnya sesuatu yang indah itu disukai oleh Allah S.W.T kerana Dia Zat yang Maha Indah dan suka akan keindahan. Sabda Nabi s.a.w.:

ان الله جميل يحب الجمال<sup>2</sup>

Maksudnya :

*'Allah itu indah, Dia suka akan segala yang indah'*

Demikian juga dengan seni muzik yang merupakan satu fitrah keperluan manusia dan ia adalah salah satu bentuk keindahan. Muzik begitu sinonim dengan

---

<sup>1</sup>Tajwid bacaan al-Quran yang mengandungi pelbagai hukum bacaan antaranya Izhar, Idgham, Iqlab dan sebagainya telah membuktikan bahawa al-Quran dibaca dengan menggunakan alunan dan rentak tertentu. Alunan-alunan tersebut menggambarkan bacaan al-Quran adalah sebahagian daripada seni muzik. Terdapat tokoh ulama' yang telah menghubungkan kalamah 'muzik' dengan aspek ibadah antaranya Syeikh Ahmad Hassan al-Baquri, bekas Mufti Mesir. Dalam satu tulisan beliau yang bertajuk 'Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Qur'an' telah diterbitkan di dalam sebuah majalah Arab yang kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan diterbitkan pula di dalam majalah al-Manar, keluaran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Lihat Syeikh Ahmad Hassan al-Baquri (1997), "Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Qur'an", Prof Madya Wan Yahya Wan Ahmad (terj.), al-Manar, Akademi Pengajian Islam, UM, Edisi Jun 1997, hlm. 114.

<sup>2</sup>Muslim, Sharh Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Tahrim al-Kibr wa Bayanih.





kehidupan manusia. Naluri manusia sentiasa memerlukan hiburan untuk mencari ketenangan dan kedamaian. Oleh sebab itulah Islam tidak sekali-kali menghalang penganutnya untuk mendapatkan ketenangan melalui seni muzik. Walaupun begitu seni muzik itu hendaklah mengikut garis panduan dan selari dengan ajaran Islam.

Terdapat dalil yang membuktikan bahawa Nabi s.a.w pernah memberi keizinan untuk bergembira dan berhibur, antaranya:

حديث عائشة رضي الله عنها قالت : دخل علي أبو بكر وعندي جاريتان من جوارى الأنصار تغنيان بما تقاتلت به الأنصار يوم بعاث قالت وليستا بمغنيات فقال أبو بكر أئمزور الشيطان في بيت رسول الله صلى الله عليه وسلم وذلك في يوم عيد فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم يا أبا بكران لكل قوم عيداً وهذا عيدنا<sup>3</sup>

Maksudnya:

*'Diriwayatkan daripada 'Aishah r.a katanya : Aku telah diziarahi oleh Abu Bakr r.a di rumahku. Ketika itu disampingku ada dua orang jariah iaitu gadis dari golongan Ansar sedang mendendangkan syair golongan Ansar pada Hari Bu'ath iaitu hari teretusnya peperangan antara golongan Aus dan Khazraj, Aishah berkata: Sebenarnya mereka berdua bukanlah penyanyi. Abu Bakr r.a berkata: Patutkah ada nyanyian syaitan di rumah Rasulullah s.a.w. dan pada Hari Raya pula? Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Wahai Abu Bakr! Sesungguhnya setiap kaum itu mempunyai Hari Raya dan ini adalah Hari Raya kita'*

Hadith ini merupakan dalil pertama yang jelas menunjukkan bahawa hukum Islam telah berkembang khususnya yang berkaitan dengan seni muzik apabila realiti umat Islam pada masa itu sememangnya berhajatkan hiburan dan keceriaan khususnya pada masa dan keadaan yang sewajarnya seperti hari raya. Hadith ini juga dengan jelas menunjukkan *curuf* dan kebiasaan golongan Ansar berhibur melalui seni suara. Nabi s.a.w. telah membuktikan kehebatan hukum Islam yang sentiasa berkembang untuk membawa

---

<sup>3</sup>Ma'siah Fih Ayyam al-cId; al-Bukhari, Fath al-Bari bi Sharh Sahih Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab al-Daraq; Ibn. Majjah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Nikah, Bab al-Ghina' wa al-Duff).



kehidupan umat Islam berlandaskan syariat Islam (Abdul Ghani Samsudin & Engku Ibrahim Ismail 2001: 10-11).

Di samping itu juga, jawapan baginda s.a.w dalam hadith tersebut menggambarkan bahawa baginda ingin memberi pengajaran kepada kaum Yahudi bahawa agama Islam memiliki toleransi dan baginda diutuskan membawa agama yang bersih dan mudah (al-Qardhawi 2002: 29-30).

Jika diimbias kepada sejarah Islam, telah dicatatkan bahawa terdapat beberapa tokoh terkenal yang mahir bermuzik antaranya al-Kindi (809-873M), khalil Ibn Ahmad (718-786M)<sup>4</sup>, al-Farabi (257H-339H/870M-950)<sup>5</sup>, Safi al-Din 'Abd al-Mu'min (m.1294M)<sup>6</sup>, Shams al-Din Muhammad bin Safi al-Din<sup>7</sup>, Abu al-Farj al-Isfahani<sup>8</sup>, al-Sarakshi, Mansur bin Thalhaf bin Tahir, Thabit bin Qurra, Muhammad bin Zakaria al-Razi, Yunus al-Khatib dan Qusta bin Luqa.

Al-Farabi juga bukan sahaja menguasai bidang teori muzik dalam ertikata muzik sebagai satu ilmu dan seni, malah beliau juga mahir bermain alat-alat muzik di samping menciptanya sendiri (Mohammed Yusoff Hussain et al. 1993: 195). Beliau dikatakan sangat handal bermain muzik sehingga membolehkan seseorang itu terlena mendengar keasyikan alunan muziknya (Estidotmy, Utusan Malaysia 28 ogos 2002: 14). Ibn Khallikan (m. 681H) telah merakamkan kisah yang berlaku pada suatu waktu antara al-Farabi, Sayf al-Dawlah al-Hamdan serta cendiakawan yang lain di majlis ilmu anjuran Sayf al-Daulah. Kisahnya adalah seperti berikut (Ibn Khallikan 1977: 155-156):

*'Suatu hari bertempat di Istana Sayf al-Dawlah satu majlis perbincangan ilmiah telah diadakan. Majlis itu dipengerusikan oleh*

---

<sup>4</sup>Khalil bin Ahmad dianggap orang pertama menghasilkan kamus muzik yang diterjemahkan berjudul *'The Book Notes'* dan *'The Book of Rhythm'*. Keberkesanan buku beliau telah diperakui dengan menjadikan buku teori muzik al-Khalil sebagai buku teks rujukan kepada semua mahasiswa di seluruh universiti Spanyol

<sup>5</sup>Beliau terkenal menerusi karya-karyanya yang diterjemahkan bertajuk *'Grand Book on Music'* (*'Kitab al-Musiqi al-Kabir'*), *'Styles in Music'* dan *'On The Classification of Rhythm'*

<sup>6</sup>Seorang ahli muzik dan pencipta teori-teori muzik yang terkenal. Beliau dilahirkan pada 1216 di Urmiya. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada 28 safar 693H bersamaan 28 Januari 1294. Lihat C.E. Bosworth et al. (1995), *The Encyclopedia of Islam*, Volume VIII, Netherland: Leiden E.J Brill. H. 805.

<sup>7</sup>Beliau juga merupakan ahli yang terulung dalam bidang muzik. Ini jelas kelihatan dalam buku karangannya yang masyhur yang diterjemahkan iaitu *'The Jewels of Arrangement in the Knowledge of the Melodies'*.

<sup>8</sup>Beliau terkenal dengan hasil karangannya yang berjudul *'al-Aghani'* atau terjemahannya iaitu *'The Grand Book of Songs'* yang mengandungi sebanyak 21 jilid



*Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif..*

*baginda sendiri dan dihadiri oleh ramai para sarjana dari pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Al-Farabi hadir dalam majlis itu dengan berpakaian Turki. Setelah lama mereka berbincang, Sayf al-Dawlah bertanya al-Farabi tentang mahu atau tidak beliau menikmati minuman atau makanan. Jawab al-Farabi: "Tidak." Baginda bertanya lagi, "Muzik!" "Ya" jawab al-Farabi, lalu beliau tumpukan perhatian kepada pertunjukkan muzik. Sayf al-Dawlah telah memanggil satu kumpulan pemain muzik yang terbaik untuk membuat persembahan. Tetapi persembahan itu tidak menarik perhatian al-Farabi. Dia sebaliknya mengkritik persembahan tersebut, lalu Sayf al-Dawlah bertanya, "Apakah tuan berpengetahuan seni juga?" "Ya." Jawab al-Farabi. Kemudian baginda meminta al-Farabi bermain alat muzik. Al-Farabi membuka begnya lalu mengambil 'ud (lute) dan segera memainkannya. Para pendengar terpesona dengan kepintarannya. Beliau memainkan alat itu menurut rasa 'sentimen' mereka dengan mengubah iramanya menjadikan mereka semua (pendengar) sekejap tertawa, kemudian menangis dan kemudian tertidur"*

Di sini jelaslah bahawa seni muzik bukanlah suatu yang janggal dalam Islam malah ia merupakan sebahagian daripada tuntutan agama. Tambahan pula dengan penglibatan tokoh-tokoh ilmuwan Islam dalam bidang muzik menampakkan kewajaran bahawa ia merupakan sesuatu yang diambil berat dan bukannya disisihkan.

### **SENI MUZIK MENURUT PERSPEKTIF PARA ULAMA'**

Seni muzik sering mendapat perhatian para ulama'. Keadaan ini berlaku disebabkan kedudukan seni muzik yang sering mengalami proses perkembangan dan arus kemodenan mengikut tempat dan masa. Sejajar dengan ini, keperihatinan ulama' telah memberi banyak *input* terutama dalam menangani kebebasan seni muzik yang berleluasa melalui fatwa-fatwa semasa. Dengan keterbatasan seni muzik melalui hukum semasa menjadikan umat Islam tidak leka dan lalai dengan segala jenis hidangan seni muzik.

Persoalan mengenai hukum seni muzik juga telah menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan mereka. Hasil jawapan yang diutarakan telah menyebabkan sikap yang berbeza terhadap seni muzik. Terdapat dua aliran pandangan tokoh-tokoh ulama' yang jelas bertentangan dalam menghuraikan hukum Islam yang berkaitan dengan seni muzik. Antara



ulama' yang memakruhkan dan mengharamkan seni muzik termasuklah Imam Abu Hanifah (m. 150 H) (al-Zuhayli 1997: 2664; al-Jaziri 1990: 53; Awang Abdul Aziz bin Juned 2001: 100), Imam Malik (m. 179 H) (al-Qurtubi 1993: 38; al-Ghazali 1998: 337; al-Dusuqi 1980: 166), Imam Shafi'i (m. 204 H) (al-Jaziri 1990: 54; al-Khinn et al. 2000521-522; al-Zuhayli 1997: 2664), Imam Ahmad Ibn Hanbal (m. 241 H) (al-Ghazali 1998: 338; Awang Abdul Aziz bin Juned 2001: 15-16; al-Zuhayli 1997: 2664; al-Jaziri 1990: 54), dan Sa'id Hawwa<sup>9</sup> (Sa'id Hawwa 1987: 160; Muhammad Pisol 2000: 106-135). Mereka beranggapan ia boleh melalaikan dan membawa kepada perlakuan yang kurang sihat.

Manakala pandangan ulama' yang mengharuskan seni muzik secara bersyarat antaranya Imam al-Ghazali (450-505 H) dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, al-Shawkani (m. 1255H) dalam kitabnya *Nayl al-Awtar*, Sheikh Mahmud Shaltut dalam kitabnya *al-Fatawa*, Dr Ahamad Sharbasi dalam kitabnya *Yas'alunak fi al-Din wa al-Hayah*, Dr Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *al-Islam wa al-Fann, Malamih al-Mujtama' al-Muslim al-Ladhi Nanshuduh, al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* dan *Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah* dan Dr Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*.

Menurut al-Ghazali dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* beliau menjelaskan bahawa tidak ada keterangan yang jelas daripada sunnah Rasulullah s.a.w. yang melarang penggunaan alat-alat muzik. Menurut al-Ghazali sebahagian alat muzik yang mempunyai bunyi yang baik tidak dilarang, malah ia tidak lebih seperti kemerduan suara burung. Seni muzik yang dilarang kepada umat Islam ialah sekiranya berada di dalam keadaan yang bersekongkol dengan kumpulan peminum arak, perzinaan dan lain-lain perbuatan dosa.

Selain itu, al-Ghazali menegaskan bahawa bermain alat muzik juga mestilah mengikut kaedah-kaedah tertentu sehingga menghasilkan suatu bunyi yang merdu. Dalam hal ini, beliau berpandangan sekiranya mendengar *awtar* (alat kecapi) itu dari orang yang memalunya dengan tidak mengikut kaedah sehingga menimbulkan suara yang tidak merdu maka ia tetap juga dianggap haram. Menilai kemerduan itu bukanlah '*illah* (sebab) pengharamannya, malah *qiyas* (terhadap kemerduan) tersebut hendaklah juga dinilai dan diselidiki kebaikannya secara keseluruhan ataupun mengkaji tentang kerosakan yang ada padanya. Ini jelas menunjukkan

---

<sup>9</sup>Nama beliau ialah Sa'id bin Muhammad bin Hawwa. Dilahirkan pada 27 September 1935 di Syria. Kupasan mengenai seni muzik sila lihat Sa'id Hawwa (1993), *al-Islam*, c. 2. Qahirah: Dar al-Salam, h. 651.



bahawa suara itu dibolehkan bukan kerana faktor kemerduannya sahaja malah ia tetap menjadi haram sekiranya terdapat unsur-unsur haram yang lain bersamanya (al-Ghazali 1998: 341).

Selain beliau, Yusuf al-Qaradhawi juga telah banyak menganalisis dan menghuraikan persoalan yang berhubung dengan seni muzik berpandukan dalil-dalil naqli dan aqli serta beberapa pandangan para ulama'. Secara umumnya beliau menegaskan bahawa hukum seni muzik pada asalnya adalah harus tetapi ia boleh berubah kepada hukum-hukum lain (al-Qaradhawi 1993: 273-277; al-Qaradawi 2000: 264-265).<sup>10</sup>

Berdasarkan pandangan para ulama yang mengharuskan seni muzik secara bersyarat, umat Islam mempunyai ruang yang cukup besar untuk memanfaatkan seni muzik. Ini kerana ia bukan sahaja sekadar berhibur malah untuk tujuan-tujuan lain seperti mengeratkan hubungan dengan pencipta, penyampaian mesej bercorak kemanusiaan, nasihat, jati diri, ketuhanan, ketamadunan, patriotisme, kebangsaan, kekeluargaan, isu semasa dan sebagainya. Oleh sebab itulah, umat Islam pada dasarnya tidak dihalang untuk bermain muzik dan menceburkan diri di dalam arena muzik.

## KONSEP ISLAMISASI SENI MUZIK

Jika dilihat kepada senario seni muzik hari ini, sebilangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya, telah menganggap bahawa nasyid adalah satu-satunya seni muzik Islam, manakala yang selainnya adalah tidak Islamik. Oleh sebab itulah mereka menolak seni muzik moden kerana dikatakan haram di sisi agama Islam. Tanggapan ini masih berlaku dan sekiranya keadaan ini berterusan tanpa ada usaha untuk memurnikan fahaman tersebut, maka umat Islam akan ketinggalan dalam dunia hiburan. Malah akan ada sebahagian mereka yang lain yang terus beranggapan bahawa agama Islam mengongkong penganutnya untuk berhibur sedangkan Islam tidak akan menghalang sesuatu seni muzik sama ada tradisional atau moden selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Persoalannya sekarang, seni muzik itu tidak haram pada zatnya tetapi haramnya disebabkan oleh faktor-faktor lain yang ada bersama-sama dengannya.

---

<sup>10</sup>Antara perkara-perkara yang menyebabkan perubahan hukum ialah isi kandungan lagu, cara persembahan dan disertai dengan perkara-perkara haram.



Oleh itu, sesuatu pelaksanaan yang berkait dengan seni muzik seperti masa persembahan, cara penyampaian, suasana tempat persembahan harus diambil kira. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahawa terdapat tiga kriteria penting yang mempengaruhi hukum seni muzik iaitu ‘*zaman*’ (masa), ‘*makan*’ (tempat), dan ‘*ikhwan*’ (aktiviti) (al-Ghazali 1998: 376).

Jika diperhatikan seni muzik hari ini, sudah pasti banyak perkara yang perlu diperbaiki. Untuk mencapai tujuan ini, kita tidak semestinya mencipta atau mewujudkan satu seni muzik baru. Akan tetapi kita seharusnya mengislamisasikan seni muzik yang dikatakan bercanggah dengan syariat agar selaras dengan tuntutan syarak. Dengan kata lain, kita hendaklah menyediakan satu mekanisme baru dengan perancangan yang teliti untuk menaikkan martabat seni muzik ke arah yang lebih baik dan dapat mendatangkan kesan positif kepada manusia. Dengan ini kita tidak hanya menghukum sahaja malah kita telah menyediakan satu bentuk alternatif baru dalam dunia hiburan untuk dinikmati oleh masyarakat Islam seluruhnya.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan Islamisasi Seni Muzik. Definisi Islamisasi telah pun banyak dibincangkan oleh tokoh ilmuwan Islam<sup>11</sup>. Asas untuk mentafsirkan Islamisasi bertitik tolak daripada konsep Islam itu sendiri. Islam dan Islamisasi adalah dua istilah yang sinonim. Al-Qur’an menyebut Islam sebagai *al-Din* (Ibrahim Ahmad 1989: 11) sebagaimana yang tercatat di dalam surah al-‘Imran ayat, ayat 19 yang bermaksud ‘*Sesungguhnya al-Din di sisi Allah ialah Islam*’.

Perkataan Islamisasi di dalam bahasa Inggeris ialah ‘*Islamization*’. Manakala di dalam bahasa Arab pula ialah ‘*Islamiyyah*’. Di dalam Kamus Dewan, Islamisasi berasal dari perkataan Islam yang merujuk kepada usaha atau proses menjadikan patuh kepada, sejajar atau sesuai dengan ajaran agama Islam (Tueku Iskandar 2000: 501).

Akan tetapi definisi yang dianggap jelas dan tepat adalah sepertimana menurut Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas (Wan Mohd Nor 1995: 97)<sup>12</sup> iaitu pembebasan manusia daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh sekularisme (Muhammad Naquib al-Attas 1993: 17; Shopuan Anuar

---

<sup>11</sup>Antara yang mendefinisikan islamisasi ialah Gaafar Syeikh Idris, Ismail al-Faruqi dan Syed Muhammad Naquib al-Attas.

<sup>12</sup>Pemilihan ini berdasarkan analisis penulis terhadap definisi-definisi yang dikemukakan oleh beberapa tokoh yang telah dinyatakan sebelum ini. Wan Mohd Nor Wan Daud berpendapat bahawa beliau adalah tokoh Islam pertama mentakrifkan dengan jelas konsep proses Islamisasi.



2003: 82; Mohd Adlin 1999: 5-7)<sup>13</sup>. Ia juga adalah proses dua hala : pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada kejadian asalnya kepada fitrah (Muhammad Naquib al-Attas 1993: 44-45; Amran Muhammad 1996: 12).

Berdasarkan definisi tersebut Islamisasi seni muzik adalah satu usaha pembebasan seni muzik daripada unsur-unsur tahyul, mitos, animis, sekular dan pengembalian kepada fitrah asalnya iaitu untuk mencari ketenangan dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Pada hari ini, pengaruh sekular semakin menular ke dalam seni muzik. Ini disebabkan seni muzik yang dinikmati bukan lagi untuk mencari ketenangan dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T, tetapi ia semata-mata untuk berhibur, bersukaria, melepaskan hawa nafsu dan ingin bebas daripada kongkongan agama. Seni muzik seumpama inilah yang akan membawa kepada maksiat kerana sudah hilang matlamat asalnya.

Islamisasi Seni Muzik bukanlah perkara baru dalam Islam kerana ia telah pun berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. iaitu ketika baginda mengiktiraf seni muzik kaum Ansar sepertimana hadith yang telah disebutkan sebelum ini. Sikap toleransi (al-Qaradhawi 2002: 29-30)<sup>14</sup> dan keterbukaan Rasulullah s.a.w. terserlah setelah membenarkan dua orang gadis dari golongan Ansar untuk menyanyi walaupun mendapat sedikit teguran daripada Abu Bakar r.a pada peringkat awalnya. Ini menjadi bukti bahawa Islam mengiktiraf seni muzik kaum lain selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Pengiktirafan tersebut, secara tidak langsung menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. telah mengislamisasikan seni muzik kaum Ansar.

Konsep Islamisasi seni muzik juga mengambil kira kaedah-kaedah fiqh. Antaranya kaedah "*al-Aslfi al-Ashya' al-Ibahah hatta Yadullal-Dalil 'ala al-Tahrim*" (Hukum sesuatu itu adalah harus sehingga terdapat dalil yang jelas mengharamkannya) (al-Sayuti 1932: 59-60) atau "*al-Asl fi al-Ashya' wa al-A'yan al-Ibahah illa in Dall lil al-Khatar Dalil Faya'mal Bih*" (al-Sadlan 1999: 126-135) dan "*Dar' al-Mafsadah Awla 'ala Jalb al-Masalih*" (menolak kemudaratan lebih baik daripada mengambil manfaat). Manakala kaedah fiqh al-Awlawiyyat pula iaitu kaedah "*Taghyir al-Anfus Qabl Taghyir al-Anzamah*" (Mengubah individu lebih utama daripada mengubah institusi atau organisasi), dan "*Awlawiyyat al-Ma'rakah al-Fikriyyah*" (Keutamaan kepada melawan pemikiran).

---

<sup>13</sup>Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas sekular ialah pembebasan manusia daripada unsur agama yang kemudiannya mencakupi kawalan bidang metafizik ke atas pemikiran dan bahasanya.

<sup>14</sup>Menurut Dr Yusof al-Qaradawi, agama Islam memiliki sikap toleransi dan baginda diutuskan untuk membawa agama yang bersih dan mudah.



Berdasarkan kaedah-kaedah fiqh tersebut, umat Islam mempunyai ruang yang agak luas untuk menikmati pelbagai bentuk seni muzik. Sikap kurang memahami kaedah tersebut menyebabkan sebahagian umat berfikiran sempit dan kurang yakin untuk menggunapakai dan mengaplikasikannya dalam realiti kehidupan semasa. Jika ia dimanfaatkan sebaiknya, sudah tentu seni muzik alternatif dapat diperkaya.

### **ISLAMISASI SENI MUZIK SEBAGAI SATU ALTERNATIF**

Pada masa ini, seni muzik boleh dinikmati melalui pelbagai cara antaranya menerusi radio, television, internet dan sebagainya yang tidak memerlukan kita menghadiri konsert-konsert hiburan. Dalam hal ini, sudah pasti status hukumnya adalah lebih ringan. Setiap pendengar dapat menilai sendiri status hukumnya. Ini berdasarkan kenyataan Prof. Dr. Yusof al-Qaradhawi iaitu setiap pendengar sebenarnya merupakan orang yang paling mahir dalam menentukan hukum seni muzik, sekiranya nyanyian tersebut terdapat unsur yang menaikkan syahwat, mendorong ke arah kejahatan, menjadi lalai dan leka untuk mengerjakan ibadah maka menjadi kewajipan atas setiap pendengar untuk menjauhinya dan menutup pintu fitnah itu demi memelihara dirinya dan agama (al-Qaradawi 1993: 273-277; al-Qaradawi 2000: 492-494; Utusan Malaysia 2005).

Manakala dalam konteks mengadakan persembahan seni muzik, sepatutnya disediakan ruang untuk artis sama ada lelaki atau perempuan untuk membuat persembahan mereka. Menerusi Islamisasi Seni Muzik ini, mereka masih berpeluang iaitu dengan memastikan agar semua etika tidak bertentangan dengan syariat Islam. Sebagai contoh, persembahan oleh artis wanita yang diadakan secara tertutup yang dihadiri oleh golongan wanita sahaja. Di sini tidak timbul masalah aurat dan pergaulan. Apa yang penting ialah lagu yang disampaikan hendaklah mempunyai lirik yang baik dan bermatlamat ke arah yang lebih positif (Majalah I 2005: 62-63; Dewan Agama dan Falsafah 2005: 50-61).

Selain itu juga, persembahan yang penontonnya terdiri daripada kalangan dalam bentuk kekeluargaan juga tidak menimbulkan masalah pergaulan. Ini kerana walaupun ia dilihat bercampur antara lelaki dan perempuan, namun ia masih lagi terkawal kerana mereka duduk bersama-sama dengan keluarga masing-masing.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Berdasarkan pemerhatian penulis pada konsert Maal Hijrah (16 Februari 2005) yang diadakan secara tertutup di Dewan Utama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Islamisasi seni muzik bukanlah langkah mencipta atau mewujudkan satu bentuk yang baru. Akan tetapi kita seharusnya menilai dan mengislamisasikan mana-mana yang dikatakan bercanggah dengan syariat agar selaras dengan tuntutan syarak dan mampu mendidik jiwa manusia. Dengan kata lain, kita hendaklah menyediakan satu mekanisme baru dengan perancangan yang teliti untuk menaikkan martabat hiburan ke arah yang lebih baik dan dapat mendatangkan kesan positif.

Pada hari ini lahirnya pelbagai program muzik bermanifestasikan realiti, antaranya Akademi Fantasia, Mentor, Malaysian Idol dan sebagainya. Sehubungan itu, ada pihak yang mendakwa program yang bercorak realiti sebegini dianggap tidak berlandaskan syarak kerana konsepnya diveduk hampir keseluruhannya daripada unsur Barat. Maka produk yang lahir daripadanya juga dikatakan tidak cocok dengan Islam (Utusan Malaysia 2005). Jika kita lebih bersikap terbuka dan kreatif dalam menyediakan satu bentuk mekanisme yang sejajar dengan Islam, iaitu dengan sesuaikannya dengan konsep keislaman maka akan dapat melahirkan ramai penghibur-penghibur yang berpotensi bukan sekadar penghibur, malah sebagai pembina budaya dalam masyarakat. Hal ini memberi keuntungan kepada negara. Sekiranya program realiti yang Islamik sifatnya dapat diwujudkan sebagai salah satu cara khusus melahirkan artis-artis Islam, maka ia amat wajar dilakukan pada waktu ini bahkan, ia dilihat lebih berjaya dan berdominasi dalam membawa kesan yang positif dalam menjayakan potensinya.

Dengan adanya satu bentuk program baru yang bercorak realiti dalam kerangka Islam, maka lebih ramai penghibur yang bercirikan Islam dapat di ketengahkan. Apa yang ada sekarang, penghibur yang dikatakan berunsur Islam bukanlah hasil dari program atau institusi khas bagi tujuan ini. Dengan memanfaatkan rancangan berbentuk realiti hari ini, maka usaha melahirkan generasi penghibur Islam dapat direalisasikan dalam bentuk yang terancang. Institusi khas patut diwujudkan bagi melahirkan pemuzik-pemuzik Islam, komposer-komposer muslim yang mahir dan yang mampu mencernakan imej Islam dalam dunia hiburan seiring dengan perkembangan industri hiburan hari ini.

Sekiranya terlaksananya agenda Islamisasi ini, maka tidak akan timbul lagi kontroversi penghiburnya yang tidak secocok dengan Islam yang lahir hasil produk yang tidak berlandaskan Islam sepertimana yang di uar-uarkan sebelum ini. Di sini juga tidak akan ada lagi persoalan bagaimanakah kedudukan penghibur yang lahir hasil daripada acuan Barat atau Timur kerana yang paling penting ia hendaklah diselaraskan dengan konsep keislaman.

Pada masa ini, disebabkan tiadanya program khas yang bermotif untuk melahirkan penghibur Islam yang mahir dalam segala selok belok muzik, maka ada sesetengah pihak terpaksa memanfaatkan penghibur yang dikatakan tidak sepenuhnya Islam bagi tujuan dakwah sehingga mencetuskan kontroversi dan tanggapan serta pandangan yang berbeza (Utusan Malaysia 2005). Walaupun begitu, usaha sebegini tidak sepatutnya dilakukan tanpa ada usaha alternatif lain yang mampu berperanan setanding dengannya.

Oleh itu, usaha Islamisasi ke atas rancangan yang bercorak realiti patut dipandang serius oleh semua pihak. Ini kerana Islamisasi tersebut bukanlah mencipta yang baru, akan tetapi ia merujuk kepada bagaimana hendak memurnikan atau menyesuaikan dengan Islam dengan menyediakan satu bentuk mekanisme yang terancang. Ia juga dapat menyumbang kepada pembentukan moral yang baik kerana mereka merupakan model terbaik yang boleh menjadi teladan kepada khalayaknya.

## KESIMPULAN

Konsep Islamisasi seni muzik menyediakan satu ruang kepada masyarakat Islam khususnya, di samping memperkaya bentuk seni muzik untuk dinikmati sebagai satu alternatif yang wajar diketengahkan pada waktu ini. Ini memandangkan Islamisasi seni muzik bukanlah mencipta atau mewujudkan satu seni muzik yang baru. Akan tetapi kita seharusnya mengislamisasikan seni muzik yang dikatakan bercanggah dengan syari'at agar selaras dengan tuntutan syarak dan mampu mendidik jiwa manusia.

Merujuk realiti yang berlaku ke atas seni muzik, maka Islamisasi seni muzik merupakan satu keperluan yang amat penting selaras dengan perkembangan seni muzik semasa tanah air dan dunia hari ini. Dengan terlaksananya Islamisasi seni muzik, diharapkan dapat memberi satu alternatif baru kepada umat Islam untuk menikmati dan berhadapan dengan dunia muzik moden. Di samping itu juga, kehendak naluri manusia secara tidak langsung tidak lagi terabai malah dapat dipenuhi dengan jayanya.



*Ke Arab Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif..*

## RUJUKAN

- al-Jaziri, 'Abd al-Rahman. 1990. *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Ghani Samsudin dan Engku Ibrahim Ismail. 2001. *Seni Dalam Islam*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1993. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qazwayni, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid. t.t. *Sunan Ibn Majah*.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Misr.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya bin Sharaf. 1999. *Sharh Sahih Muslim*. Dimashq: Dar al-Khair.
- al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. 1998. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih Bukhari*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Amini Amir Abdullah. 1997. "Konsep Seni Dalam Islam", dalam Hj Ahmad Fauzi Hj Morad et al. *Tamadun Islam*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Amran Muhammad. 1996. "Menjernihkan Gagasan Islamisasi Ilmu Prof al-Attas", *al-Hikmah*. Bil. 3. Julai/Ogos 1996
- Dewan Agama dan Falsafah. Hiburan dan Islam, Umat Islam Boleh Bermain Muzik. OKTOBER 2005.
- al-Zuhayli, Dr Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sadlan, Dr. Salih bin Ghanim. 1999. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wama Tafarra' Anha*. C. 2. Dar Balansiah .
- al-Qaradawi, Dr. Yusuf. 1993. *Malamih al-Mujtama' al-Islami al-Ladhi Nanshuduh*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Dr. Yusuf. 1993. *Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah, Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah*. Juz. 2. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Estidotmy, Utusan Malaysia, *Al-Farabi Guru Falsafah Tersohor*, Ruangan Saintis Islam, 28 Ogos 2002, Edisi Ketujuh.
- Ibn Khallikan. 1977. *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Tahqiq



oleh Ihsan 'Abbas. Jil, 5. Beirut: Dar Sadir.

Ibrahim Ahmad. 1989. *Konflik UMNO PAS dalam isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku.

al-Sayuti, Imam Jalal al-Din 'Abd. Al-Rahman. 1932. *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa furu' fiqh al-Syafi'iyah*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

Ishak Suliaman. 2000. "*Perkembangan Baru Dalam Seni Muzik Di Malaysia Dan Pengaruhnya Terhadap Hukum*" (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III)

al-Faruqi, Lois Lamyā'. 1993. "Shari'ah Tentang Muzik dan Ahli Muzik", dalam Isma'il R. Al-Faruqi *Fikiran Dan Budaya Islam*. Masood Rashid (terj.), Kuala Lumpur: DBP.

Majalah I, Islamisasi Seni Muzik Alternatif Baru Dunia Hiburan Islam, MEI 2005.

Mingguan Malaysia, *Pas Gagal hadapi Isu Kecil*, 18 September 2005.

Mohammed Yusoff Hussain *et al.* 1993. *Isu-Isu Dalam Usuluddin dan Falsafah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Adlin b Salleh. 1999. "Sekularisme Dalam Politik: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam" (Disertasi M.A, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Muhammad Pisol b. Mat Isa. 2000. "Jihad Politik: Suatu Analisis Pemikiran Sa'id Hawwa" (Disertasi M.A, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

al-Khinn, Mustafa Sa'id *et al.* 2000. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. c. 4. Dimashq: Dar al-Qalam.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Hj Awang Abdul Aziz bin Juned. 2001. *Fatwa Mufti Kerajaan, Islam Dan Muzik*, c. 2. Brunei: Jabatan Mufti.

al-Qardhawi, Prof. Dr. Yusof. 2002. *Seni dan Hiburan Dalam Islam*. Muhammad Baihaqi (terj.). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

Sa'id Hawwa. 1987. *Hazih Tajribati wa Hazih Shahadati*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

Sa'id Hawwa. 1993. *al-Islam*. c. 2. Qahirah: Dar al-Salam.

al-Dusuqi, Shams al-Din Muhammad 'Arafah. 1980. *Hashiah al-Dusuqi 'ala*



*Ke Arab Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif..*

*Sharh al-Kabir. Misr: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.*

Shopuan Anuar Ahmad. 2003. *Apa Perlunya Tuhan & Agama*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam and secularism*. c. 2. Kuala Lumpur: ISTAC.

al-Baquri, Syeikh Ahmad Hassan. 1997. "Seni Tajwid Adalah Suatu Muzik al-Qur'an", Prof Madya Wan Yahya Wan Ahmad (terj.). *al-Manar*; Akademi Pengajian Islam, UM, Edisi Jun 1997.

Tueku Iskandar. 2000. *Kamus Dewan*. Edisi ketiga, c.5. Kuala Lumpur: DBP.

Utusan Malaysia, *Dewan Ulama Pas Bantah Kelantan Jemput Mawi*, 15 September 2005.

Utusan Malaysia, *Mawi: Tiada Soal Munasabah*, 24 September 2005.

Utusan Malaysia, *Menikmati Seni Muzik Pendengar Sendiri Tentukan Hukum*, 19 Julai 2005.

Utusan Malaysia, *Nik Aziz juga 'serabut'*-Harun, 24 September 2005.

Utusan Malaysia, *Pas Tidak Sensitif Anjur Hiburan Menjelang Ramadan*, 19 September 2005.

Utusan Malyasia, *Nik Aziz Pertahan Keputusan Jemput Mawi*, 17 September 2005.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 1995. *Penjelasan Budaya Ilmu*. c. 3. Kuala Lumpur: DBP.

Prof Madya Mohamad Kamil bin Hj Abdul Majid  
Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
azana\_01@yahoo.com

Muhammed bin Yusof  
Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
my77@um.edu.my



